

# Ancaman Kumpulan Militan Malaysia

BH 11 NOV 2001

Oleh IBRAHIM MOHAMAD  
dan NOOR JAAFAR

DUNGUN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) di negara ini pada tahap serius kerana kumpulan itu bukan berjuang untuk menegakkan Islam, sebaliknya berusaha meruntuhkan negara Islam.

Perdana Menteri berkata, kegiatan kumpulan itu tidak boleh dibiarkan dan kerajaan perlu membendungnya sebelum mereka berjaya

menarik sokongan dan mempengaruhi orang lain kerana di negara ini kalau disebut berjuang untuk Islam, ramai tidak mempersoalkannya.

"Kalau ada kerajaan negara Islam yang cuba membangunkan negara Islam, mereka akan tuduh negara itu sekular kerana bagi mereka, negara Islam adalah seperti di Afghanistan dan cara Taliban yang suka berperang, membunuh dan menganiayai wanita," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Peneroka

Negara di Padang Astaka, Ketengah Jaya, dekat sini, semalam.

## Amaran kepada kontraktor jual kontrak: Muka 2

Perhimpunan Hari Peneroka Negara itu dihadiri lebih 20,000 peneroka dan orang ramai. Menteri Pembangunan Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam, Penge-

## serius: Dr Mahathir

rusi Felda, Datuk Dr Yusof Noor dan Ketua Setiausaha Tanah dan Pembangunan Koperasi, Prof Datuk Dr Nik Mohd Zain Nik Yusof, hadir sama.

Dr Mahathir berkata, bagi membendung kegiatan kumpulan itu di negara ini, kerajaan terpaksa memberi penerangan kepada rakyat bahawa kegiatan sebenar mereka ialah mengkhianati perjuangan Islam yang menyebabkan sampai sekarang negara Islam tidak kuat dan mundur.

Ditanya sama ada parti pembangkang terbabit, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu pembangkang terbabit atau tidak tetapi hampir semua daripada pengikut gerakan KMM terdiri daripada ahli dan jawatankuasa Pas, tidak ada ahli Umno terbabit.

Beliau berkata, mulanya pelajar Malaysia pergi meneruskan pengajian mereka di Pakistan dan belajar di madrasah yang tidak diiktiraf.

**LIHAT MUKA 2**

## Pelajar dihasut supaya memberontak

DARI MUKA 1  
BH 11 NOV 2001

Di madrasah ini mereka bukan belajar agama, tetapi diajar cara memberontak menggunakan agama.

"Mereka dilatih menggunakan agama sebagai suatu dorongan dan cuba menjatuhkan semua kerajaan negara Islam termasuk Malaysia.

"Selepas Pakistan, mereka pergi ke Afghanistan dan bersama Taliban menentang untuk menjatuhkan Mujahidin kerana menganggap Mujahidin di negara itu masih belum Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, selepas pulang ke Malaysia, mereka bersama kumpulan pelajar dari Indonesia, merancang untuk menjatuhkan kerajaan negara ini.

"Mereka tidak percaya dengan sistem demokrasi negara ini, sebab itu, kononnya hendak mendirikan Daulah Islamiah yang membabitkan Malaysia, Indonesia dan Filipina.

"KMM ada hubungan dengan Filipina, tetapi kita kesan lebih awal kegiatan mereka dan kita tahu siapa yang membunuh Yang Berhormat Fernandez, merompak bank dan cuba mengebom Balai Polis Guar Cempedak," katanya.